

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KOTA KINABALU**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2024

BAHASA MELAYU
Kertas 3
30 minit
TINGKATAN 5

1103/3

SET 3


NASKHAH CALON

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 4 petikan.*
 - 2. Jawab semua soalan.*
-

ITEM INDIVIDU 1**TEMA: SUKAN DAN REKREASI**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SUKMA (SUKAN MALAYSIA)

Sistem penggiliran tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA) ditetapkan secara berselang seli setiap dua tahun di antara Majlis Sukan Negara (MSN) dan negeri-negeri. Bagaimanapun, negeri-negeri boleh menawarkan diri pada giliran MSN sekiranya tidak melibatkan kos pengelolaan yang besar serta memiliki kemudahan mencukupi. Berdasarkan kepada syarat berkenaan, Selangor tampil menawarkan diri dan Jawatankuasa Tertinggi SUKMA sebulat suara mengesahkan pemilihan Selangor selaku tuan rumah SUKMA 2026. Kelantan kemudiannya mengambil giliran selaku tuan rumah SUKMA 2028. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memastikan temasya SUKMA relevan sebagai platform pertandingan berkualiti untuk atlet-atlet remaja dari seluruh negara dan memberi peluang negeri-negeri untuk memiliki fasiliti sukan terbaik serta berkemampuan menguruskan operasi logistik hasil daripada pengalaman selaku tuan rumah SUKMA.

Dipetik dan diubahsuai daripada,
“SUKMA Sarawak Cipta Sejarah”,
Berita Harian , 18 Julai 2024.

ITEM KUMPULAN 1**TEMA: PELANCONGAN**

Terdapat pelbagai usaha boleh diambil untuk menggalakkan kedatangan pelancong domestik ke tempat-tempat menarik di negara ini.

Bincangkan.

ITEM INDIVIDU 2**TEMA: PENDIDIKAN**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Pendidikan Sepanjang Hayat

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) membolehkan warga Malaysia mendapat ilmu dan kemahiran bersesuaian dengan model ekonomi berpendapatan tinggi. PSH berpotensi mengembeleng potensi individu yang masih belum berada dalam pasaran kerja menerusi pelbagai peluang meningkatkan kemahiran. PSH juga boleh memupuk minat dan menyemai bakat untuk kehidupan yang lebih bermakna. Menerusi PSH, pendidikan tidak hanya terhad kepada usia muda, tetapi perlu dilanjutkan sepanjang hayat. PSH akan menjadi cara hidup seluruh warga Malaysia. Program PSH akan ditingkatkan supaya menjadi lebih berkualiti, sama ada formal mahupun tidak formal dalam pelbagai bidang dan laluan untuk pembangunan profesional dan individu. Pelajar PSH merangkumi warga setiap organisasi dan satu mekanisme formal akan dibentuk bagi mengiktiraf pengalaman dan pendidikan terdahulu. Setiap individu perlu mendapat akses tanpa mengira tahap pendapatan ataupun latar belakang.

Dipetik dan diubahsuai daripada

“Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia”,

News Portal UTHM, 2017.

ITEM KUMPULAN 2**TEMA: KESELAMATAN**

Terdapat pelbagai langkah boleh menjaga keselamatan di tempat kerja.

Bincangkan.

ITEM INDIVIDU 3

TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Kesihatan Mental Anak-anak



Meniti era yang serba moden pada hari ini, ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka dengan nilai spiritual, di samping menjadi suri teladan yang baik kepada anak-anak mereka. Mereka juga perlu mengutamakan ilmu agama yang mencukupi selain menerapkan nilai murni dalam kehidupan mereka. Lebih-lebih lagi, dalam dunia tanpa sempadan pada hari ini, masyarakat sentiasa terjebak dengan pelbagai anasir negatif yang sangat membimbangkan. Oleh itu, ibu bapa haruslah mengelakkan kritikan secara berlebihan, penghinaan dan kekerasan emosi yang boleh menyebabkan anak-anak dilanda kemurungan, kebimbangan, rendah diri dan kesukaran dalam menguruskan emosi. Al-Quran dan Hadis mengajar kita untuk bersikap lemah lembut, berkasih sayang dan sabar dalam mendidik anak-anak. Dengan mengamalkan ajaran sedemikian, ibu bapa dapat memastikan anak-anak mereka membesar dalam persekitaran yang sihat dan positif, sekali gus mampu menyokong perkembangan mental dan emosi yang baik.

Dipetik dan diubahsuai daripada,

“Kesihatan Mental Anak-anak”,

Nalla Ammai Arunachalam, *Dewan Masyarakat*, DBP 20 Jun 2024.

ITEM KUMPULAN 3

TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGRAAN

Terdapat pelbagai usaha boleh diambil memupuk semangat patriotisme.

Bincangkan.

ITEM INDIVIDU 4

TEMA: INTEGRITI

Antara perkara yang boleh dilakukan ialah membudayakan amalan integriti pada setiap masa seperti menerapkan pembudayaan nilai integriti dalam diri, keluarga, masyarakat dan organisasi. "Mengapakah nilai integriti penting untuk dibudayakan? Adakah semata-mata untuk memperbaiki Indeks Persepsi Rasuah negara kita? Jawapannya sudah pasti tidak!" Hal ini demikian kerana integriti sememangnya diperlukan dalam kehidupan kita. Kehidupan seseorang tanpa integriti seperti amanah, jujur, menepati janji, bertanggungjawab dan berakhlak adalah umpama dengan sifat-sifat mahmudah hilang keimanan dari dalam dirinya. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan pembudayaan integriti sangat penting dalam peribadi seseorang individu dan organisasi kerana bukan sahaja untuk memelihara maruah dan harga diri seseorang, malah dapat meningkatkan produktiviti organisasi dan mengangkat martabat sesebuah negara. Jika dilihat kepada data sedia ada, sememangnya terdapat kaitan yang signifikan antara sikap berintegriti dengan prestasi produktiviti.

Dipetik dan diubahsuai daripada,

“Pembudayaan Integriti dalam Organisasi”,

Nurul Ain Mat Yusof,

Dewan Masyarakat, Dewan Bahasa dan Pustaka, 22 November 2021.

ITEM KUMPULAN 4

TEMA: KERJAYA

Terdapat persediaan-persediaan perlu dilakukan untuk memasuki alam perkerjaan.
Bincangkan.

KERTAS SOALAN TAMAT